



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

# "HARTA DAN PANGKAT IALAH ANUGERAH DAN UJIAN ILAHI"

4 Ogos 2023 / 17 Muharram 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ القَائِل

# ﴿ قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ وَكَلَ عِلْمِ عِندِئَ أَوَلَمْ يَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَهْ لَكَ مِن قَبَلِهِ مِن الْقُرُونِ مَنْ هُوَأَشَدُّ وَقَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ وَكَلَ عِلْمِ عِندِئَ أُولِهِ مُ اللَّهُ عَلَى اللَّهُ اللَّهُ عَلَى اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ عَلَى عَلَى اللَّهُ عَلَا عَلَا عَلَا عَلَا عَلَّا عَلَا عَلَّا عَلَا عَلَا عَلَا عَلَا عَلَّا عَلَّا عَلَّا عَلَا ع

Bermaksud: Qarun menjawab (dengan sombongnya) "Sesungguhnya aku diberikan harta kekayaan ini semata-mata kerana ilmu yang ada padaku." (Kalaulah Qarun bijak pandai) tidaklah dia tahu bahawa Allah telah membinasakan umat sebelumnya yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta? Dan (ingatlah) orang yang berdosa itu (apabila mereka diseksa) tidak perlu ditanya tentang dosa-dosa mereka (kerana Allah sudah sedia mengetahuinya). (Surah al-Qasas ayat 78)

أَشْهَدُ أَنْ لَآ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْعَابِهِ والتَّابِعِيْنَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَمَّا وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْعَابِهِ والتَّابِعِيْنَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ الله! اتَّقُوا اللهَ أُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

# Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Semoga iman dan takwa kita terus subur dalam jiwa dan sanubari. Harta kekayaan, pangkat, gelaran dan jawatan akan ditinggalkan; anak pinak, saudara mara, sahabat handai akan ditinggalkan, hanya ketakwaan dan amal soleh akan menemani kita pada saat kita kembali ke hadrat yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

"HARTA DAN PANGKAT IALAH ANUGERAH DAN UJIAN ILAHI"

<sup>&</sup>lt;sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>&</sup>lt;sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>&</sup>lt;sup>3</sup> Pesan Taqwa



Harta dan pangkat malah segala kekuasaan, kekuatan dan kesempurnaan ialah milik mutlak Allah SWT. Harta dan pangkat adalah anugerah Allah SWT yang dipinjamkan kepada hambanya; bertujuan menguji keimanan mereka; adakah bersifat syukur atau sebaliknya. Harta dan pangkat bersifat sementara, malah merupakan amanah yang akan dipersoalkan pada hari kebangkitan di Padang Mahsyar.

Sesungguhnya harta dan pangkat, boleh membawa kepada kemuliaan atau kehinaan, tertakluk pada bagaimana harta dan pangkat digunakan semasa hidup. Al-Quran memaparkan kisah Firaun yang dianugerahkan pangkat mentadbir sebuah negara, manakala Qarun dikurniakan kekayaan yang luar biasa. Allah SWT memperkenalkan watak-watak tersebut untuk ummah mengambil iktibar, bagaimana Allah SWT mengakhirkan hayat mereka yang berperangai sombong, bongkak, takbur dan zalim. Firman Allah SWT surah al-Ankabut ayat 39:

Bermaksud: Dan (ingatlah juga peristiwa kebinasaan) Qarun, Firaun dan Haman. Dan sesungguhnya, Musa telah datang kepada mereka dengan membawa keterangan (mukjizat) yang jelas dan nyata, lalu mereka bersikap sombong di bumi (dengan mendustakannya), padahal mereka tidak dapat melepaskan diri (daripada azab Allah).

Firaun diazab oleh Allah SWT kerana pangkat dan kuasa, telah menjadikan Firaun bersifat bongkak, meninggi diri serta berlaku zalim. Firaun menyalah gunakan pangkat dan kuasa untuk kepentingan diri, melakukan kezaliman terhadap rakyat yang diamanahkan tanggungjawab memimpin kepadanya. Kesombongan Firaun hingga sampai ke tahap mengakui dirinya Tuhan. Akhirnya Firaun dibinasakan dengan ditenggelamkan bersama bala tentera di Laut Merah.

Qarun diazab oleh Allah SWT kerana harta kekayaan tidak menjadikan Qarun seorang yang bersyukur. Qarun dengan sombong mendakwa kekayaannya ialah hasil daripada titik peluhnya, juga daripada ilmu yang dimilikinya. Qarun menunjuk-nunjuk kemewahannya di khalayak ramai dengan sifat bongkak dan riak. Qarun lupa diri – lupa bahawa kekayaan Allah mengatasi segala-galanya. Akhirnya Qarun diazab dengan dibenamkan bersama-sama rumah dan hartanya ke dalam bumi.



## Wahai hamba Allah yang semoganya dilimpahi iman,

Ummah bertanggungjawab memastikan harta dan pangkat membawa kepada kebahagiaan dunia - kesejahteraan akhirat. Ummah tidak harus menjadikan harta dan pangkat sebagai matlamat mutlak hidup; sehingga bersedia melakukan apa sahaja, termasuk melakukan perkara-perkara yang dimurkai Allah, menipu, mencuri, rasuah, dan pecah amanah, akibat didorong nafsu dan bisikan Iblis. Ummah dalam mengejar harta dan pangkat jangan sampai mengabaikan tujuan sebenar manusia diciptakan untuk memenuhi kewajipan beribadah, memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah yang difardukan oleh Allah SWT. Ummah diingatkan agar menjadikan harta dan pangkat sekadar alat dan pemudah cara untuk mencapai tujuan sebenar kehidupan, iaitu meraih ketakwaan dan keredaan Allah SWT.

Pangkat meletakkan seseorang memiliki pengaruh yang membolehkannya berkuasa. Pangkat tidak boleh disalah gunakan, sebaliknya pangkat merupakan amanah untuk menyempurnakan tanggungjawab sebaik mungkin. Contohi amalan dan sifat Nabi Sulaiman AS yang dikurniai kerajaan yang besar; sehingga manusia, jin, haiwan dan angin turut berada di bawah penguasaannya. Sungguh pun begitu, Baginda senantiasa insaf dan mengamalkan sifat seorang hamba Allah yang merendah diri dan bersyukur ke hadrat Ilahi.

Islam menuntut umatnya mencari kekayaan yang dapat membangunkan ekonomi ummah, membantu fakir miskin serta menunaikan tanggungjawab fardu ain - fardu kifayah. Kekayaan dan kekuatan ekonomi amat penting bagi kelangsungan hidup sesebuah negara. Umat Islam diseru menceburi serta menguasai bidang yang dapat mempertingkatkan kekayaan melalui perniagaan, pelaburan, pertanian, perdagangan, kesenian dan sebagainya, tetapi hendaklah dilakukan dengan niat yang betul dan kaedah yang mendapat keredaan Ilahi.

Sedarilah pintu keredaan dan keberkatan Ilahi akan tertutup, jika harta dan pangkat menjerumuskan seseorang bersifat sombong, angkuh, bongkak dan takbur, hingga melupakan Tuhan dan pembalasan pada hari kebangkitan. Insan yang ditutup pintu keredaan dan keberkatan Ilahi akan didorong nafsu haloba, bersifat semakin bakhil untuk membelanjakan hartanya bagi tujuan amal dan kebajikan; di sebaliknya mereka menjadi semakin tamak, tidak menghiraukan nasib dan kesusahan orang miskin, malah terus bernafsu untuk mendapatkan harta dan pangkat walaupun secara menipu, mencuri,



melakukan rasuah dan pecah amanah. Harta dan pangkat yang dilimpahi keredaan dan keberkatan Ilahi akan mendorong seseorang itu berusaha untuk lebih mendekatkan diri dengan Allah SWT, bersifat syukur, bertambah pemurah terutama untuk membantu orang-orang miskin, orang yang berada dalam keuzuran, serta anak-anak yatim. Merekalah orang-orang yang dilimpahi kejayaan dunia dan insya-Allah kesejahteraan akhirat.

### Para Tetamu Allah yang dimuliakan,

Mimbar menitipkan beberapa saranan:

**Pertama:** Menginsafi bahawa harta dan pangkat ialah anugerah dan ujian Ilahi, oleh itu hasrat mendapat harta dan pangkat, serta cara harta dan pangkat digunakan, hendaklah melambangkan sifat-sifat seorang hamba yang bersyukur dan jauhi perbuatan-perbuatan yang menyebabkan kemurkaan Ilahi.

**Kedua:** Semaikan budaya berwakaf dan bersedekah dalam diri; mulakan amalan berwakaf dan bersedekah daripada rezeki kurniaan Ilahi, bermula dengan walau sekecil mana sekalipun, agar rezeki diberkati Allah dan akan ditambah.

**Ketiga:** Gunakan harta dan pangkat untuk menolong orang-orang yang daif, uzur, miskin, anak-anak yatim; orang-orang yang memerlukan rawatan perubatan, anak-anak yang memerlukan pembiayaan pendidikan, anak-anak yatim yang mengharapkan ihsan.

**Keempat:** Harta jangan sama sekali menjadikan diri riak, berbelanja kepada perkaraperkara yang bersifat membazir, sementara pangkat jangan disalahgunakan hingga berlaku berbagai-bagai kezaliman, penindasan dan ketidakadilan.

**Kelima:** Penuhi Rukun Islam yang menetapkan hukum berzakat. Zakat yang tidak ditunaikan merupakan hutang yang akan dituntut tanggungjawabnya pada hari kebangkitan di Padang Mahsyar.

بَارَكَ اللّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِيْ وَلَكُمْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُو السَّمِيْعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَاللّهُ وَلّهُ وَلّهُ وَاللّهُ وَلّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَلّهُ وَلّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَلّهُ وَلّهُ وَاللّهُ وَالللّهُ وَلّهُ وَاللّهُ اللّهُ وَاللّهُ وَاللللّهُ وَاللّهُ وَاللّ



### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ حَمْدًا يُوَافِيْ نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيدَه. أَشْهَدُ أَن لاَ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَشْهَدُ أَنَّ اللهِ إِنَّقُوا الله وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِيْنَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ ٱللَّهُ وَمَلَكِ كَتُهُ مُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ يَتَأَيُّهَا ٱلَّذِينَ عَلَى إِبْرَاهِيمُ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمُ وَبَارِكُ اللَّهُمُّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمُ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمُ وَبَارِكُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمُ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ عَلَى إِبْرَاهِيمُ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمُ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَّا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمُ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمُ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ عَلَى إِبْرَاهِيمُ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ مَحِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمُ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ \*، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِمُ وَالْمُؤْمِنَاتِ \*، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِمُ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَالْمُؤْمِنَاتِ فَالْمُهُمُ وَالْجَعَلُ فِي قُلُومِهُ الْإِيْمَانَ وَالْحِكُمَة ، وَثَبَيْهُمْ عَلَى مِلَّةٍ رَسُولِ الللهِ عَلَيْكِ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Hindari kami dari menjadi orang yang lupa diri - lupa kurniaan Mu sehingga berlaku sombong, takabbur, bongkak dan riak. Bimbing kami untuk mencari harta dengan cara yang halal dan membelanjakannya pada jalan yang mendapat keredaan Mu. Berkatilah harta yang Engkau rezekikan agar dengannya kami menjadi orang yang bersyukur dan melakukan amal yang dapat mendekatkan diri dengan Mu.

<sup>&</sup>lt;sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>&</sup>lt;sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>&</sup>lt;sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>&</sup>lt;sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا عَلَافِ اللهُ نَيَا حَسَنَةً وَفِى الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ فَيَا عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ اللّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَآيِ ذِى الْقُرْبَى وَيِنْ هَى عَنِ فَيَا عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ اللّهَ يَا مُكُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَآيِ ذِى اللّهُ الْعَظِيمَ يَذُكُرُكُمْ اللّهَ مَا اللّهُ الْعَظِيمَ يَذُكُرُكُمْ اللّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرُكُمْ وَاللّهُ يَعْلَمُ وَاللّهُ اللّهِ اللّهُ اللّهُ اللّهُ يَعْلَمُ وَاللّهُ يَعْلَمُ وَاللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ يَعْلَمُ وَاللّهُ يَعْلَمُ وَاللّهُ اللّهُ إِللّهُ اللّهُ الللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللللّهُ الللّهُ اللللهُ اللّهُ الللهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ الللّهُ اللللهُ الللّهُ اللللهُ اللللهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ الللهُ اللللهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ الللهُ الللّهُ الللهُ اللّهُ اللّهُ اللللهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ اللّهُ الللّهُ اللللهُ اللللهُ الللهُ اللللهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ اللللهُ اللّهُ اللّهُ الللهُ الللهُ الللهُ اللّهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ اللهُ اللّهُ الللهُ اللّهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ اللّهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ اللّهُ اللهُ الللهُ الللهُ الللهُ الللهُ اللهُ الللهُ الللهُ اللهُ